

Prihatin nasib warga emas

Seminar anjuran UPM pupuk kesedaran jaga kebajikan orang tua, elak mereka hidup daif

Oleh Jami'ah Shukri
jamiah@bharian.com.my

SEORANG ibu tua yang mempunyai 11 anak, kini tinggal sendirian di rumah usang di perkampungan jauh di kawasan pedalaman. Sebaik saja kematian suami, sekitar 1988, ibu tua itu terus menetap di kampung berkenaan sedangkan semua anaknya tinggal di bandar, manakala sebilangannya ada baling serta berjawan tinggi.

Senario itu adalah realiti kehidupan dan bukannya lakonan drama atau filem. Namun, ada kalangan ibu tua memang ada ramai anak tetapi tidak dihirau, manakala sebilangannya ada ibu yang berkeras tidak mau mengikut menetap dengan anak walaupun puas di desas tinggal dengan mereka. Ini kerana pada usia emas itu, mereka ingin bersendirian dan hidup selesa dalam suasana segar di kampung serta bebas melakukan apa saja.

Cebisan kisah itu adalah rencan dalam kehidupan. Persoalannya, sejauh mana keprihatinan masyarakat di seluruh dunia termasuk Malaysia dalam memastabatkan dan mewujudkan suasana berkualiti kepada golongan warga tua.

Penuaan di Malaysia, seperti juga negara lain, adalah antara isu penting yang diperbincangkan. Perkembangan jumlah penduduk warga tua semakin mencabar seiring dengan perubahan zaman. Pada 2000, dilaporkan kira-kira 6.1 peratus daripada 1.45 juta penduduk adalah mereka berusia 60 tahun atau lebih dan jumlah itu dijangka meningkat 15 peratus menjelang 2030.

Dilihat dari senario dunia, jumlah warga tua berusia 60 tahun ke atas dianggarkan seramai 605 juta pada 2000 dan dijangka meningkat hampir dua billion menjelang 2050, iaitu sama banyak dengan golongan kanak-kanak (0-14 tahun).

Di Perancis sebagai contoh, tujuh peratus rakyatnya akan menjadi masyarakat tua sebelum 1900, iaitu mengambil masa 114, Sweden 14 peratus dan mengambil masa 82 tahun manakala di Jepun, tempoh itu mengambil masa 24 tahun iaitu antara 1970-1994.

Bagi Brazil, Indonesia, Ko-

rea dan Tunisia, dijangka mengambil masa kurang 25 tahun. Di Malaysia, kira-kira 11.5 peratus daripada jumlah penduduk akan berusia 60 tahun ke atas, menjelang 2020. Ini bermakna 3.6 juta warga tua akan wujud dalam masa kurang 15 tahun.

Secara keseluruhan, keprihatin terhadap masyarakat tua itu memang diutamakan oleh semua negara di dunia, cuma ia bergantung kepada pendekatannya saja.

Lantaran itu, Malaysia turut sama mahu isu warga tua diberi perhatian sewajarnya bagi memastikan kesejahteraan golongan itu lebih terjamin. Justeru, sokongan sosial kepada golongan itu diperlukan termasuk dasar mengejuti pesara supaya kehidupan mereka lebih bermakna dan berkualiti selepas tamat perkhidmatan dalam dunia kerjaan (NGO).

Seminar dua hari yang diadakan di Hotel Pan Pacific, KLIA baru-baru ini dihadiri pakar dalam bidang berkaitan dan badan bukan kerajaan (NGO). Berdasarkan senario sekaran, banyak lagi yang perlu dilakukan untuk meningkatkan kualiti warga tua termasuk pesara di negara ini supaya mereka dapat menikmati kehidupan dengan lebih berkualiti.

Sebenarnya, isu penuaan meliputi pelbagai aspek bukan saji terhadap usia yang sudah meningkat, sebaliknya dari segi biologi, psikologi dan budaya. Malaysia juga perlu bersedia menghadapi isuberkualititermasuk membabitkan golongan pesara.

"Golongan warga tua perlu hidup dengan lebih produktif dan berkualiti. Pelbagai

tologi UPM, Prof Madya Dr Tengku Aizan Tengku Hamid, berkata seminar untuk membolehkan perbincangan lebih terperinci mengenai isu itu dijadikan agenda utama di peringkat kebangsaan.

Katanya, jumlah warga tua semakin meningkat dan ia petunjuk kepada negara bahawa golongan berkenaan tidak sepatutnya dipinggirkan, malah memerlukan pembelaan sewajarnya.


"Dengan peningkatan taraf kehidupan termasuk status ekonomi, sosial serta kemudahan kesihatan menjadikan populasi rakyat Malaysia mampu hidup lebih lama," katanya.

Seminar dua hari yang diadakan di Hotel Pan Pacific, KLIA baru-baru ini dihadiri pakar dalam bidang berkaitan dan badan bukan kerajaan (NGO).

Berdasarkan senario sekaran, banyak lagi yang perlu dilakukan untuk meningkatkan kualiti warga tua termasuk pesara di negara ini supaya mereka dapat menikmati kehidupan dengan lebih berkualiti.

Sebenarnya, isu penuaan meliputi pelbagai aspek bukan saji terhadap usia yang sudah meningkat, sebaliknya dari segi biologi, psikologi dan budaya. Malaysia juga perlu bersedia menghadapi isuberkualititermasuk membabitkan golongan pesara.

"Golongan warga tua perlu hidup dengan lebih produktif dan berkualiti. Pelbagai



KETUA Unit Pengagihan dan Siasatan Tabung Baitulmal Sarawak, Zainal Abidin Abdul Halim, memberi bantuan kepada warga tua, Wan Yaakub Tengku Salleh.

pihatin seharusnya terhadap isu ini dan tidak hanya mengharapkan program dijalankan kerajaan.

"Isu ketara yang dapat dilihat sekarang adalah pengalaman terhadap warga tua, di mana, ada antara mereka tinggal bersendirian dalam keadaan daif dan tidak sempurna. Selain itu, ada ibu bapa yang sengaja mahu tinggal bersendirian. Tetapi keadaan itu pastinya memerlukan suntik pendekatan yang terbaik supaya nilai kehidupan untuk pembangunan golongan tua diberi keutamaan."

"Bagaimanapun, kini kita lihat nilai kehidupan sebuah institusi kekeluargaan dan hal berkaitan warga tua semakin longgar. Hubungan kekeluargaan juga dilihat semakin renggang.

"Jika dilihat dulu, sebuah keluarga mempunyai ramai anak hingga mencecah 10 atau 11 orang. Tetapi sekarang cuma antara dua hingga empat anak terutama yang tinggal di bandar. Dengan itu, institusi kekeluargaan menjadi semakin mengecil. Apa yang akan jadi terhadap masa depan mereka apabila mencapai usia emas," katanya.

Sementara itu, bagi pesara, apakah yang akan mereka lakukan selepas waktu persaraan pula. Bersediakah mereka menghadapi dunia persaraan dengan mengamalkan budaya sihat dan aktiviti berkualiti," katanya.

Pesara itu mampu meningkatkan kehidupan berkualiti menerusi perkongsian pengalaman, pengetahuan dan kemahiran seperti terbabit dalam aktiviti kesiaran dalam usaha mengekalkan sumbangan mereka.

Sehubungan itu, Tengku

Aizan berkata, generasi sekaran juga seharusnya diterapkan dengan nilai dan budaya yang baik seiring dengan peredaran zaman serta suasana sosial yang berbeza di samping dapat mengekalkan nilai, budaya menghormati dan prihatin terhadap nasib serta masa depan warga tua.

Mengikut laporan, keprihatinan masyarakat terhadap kepentingan proses penuaan di kalangan warga tua di Asia Tenggara, Singapura mencapai tahap terawal, diikuti Thailand, Indonesia dan Malaysia.


Katanya, kerajaan juga disarankan supaya menyediakan sejumlah peruntukan membela warga tua dalam Rancangan Malaysia Kesemuaan (RMK-9) untuk memastikan pendekatan khusus bagi meningkatkan produktiviti golongan itu.

Pengarah Institut Gerontologi



Kini kita lihat nilai kehidupan sebuah institusi kekeluargaan dan hal berkaitan warga tua semakin longgar. Hubungan kekeluargaan juga dilihat semakin renggang"

Tengku Aizan Hamid
Pengarah Institut Gerontologi
UPM



RUMAH yang didiami Wan Yaakub daif dan tidak mempunyai bekalan air serta elektrik.